







[GENERAL](#)

Kepimpinan PGA UMP baharu dilantik

9 February 2023

Disediakan oleh: Shahrizai Haji Sarif, Institut Pengajian Siswazah

KUANTAN, 2 Februari 2023 - Institut Pengajian Siswazah (IPS) Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengadakan Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Persatuan Pascasiswazah UMP 2023 dan Majlis Penghargaan Persatuan Pascasiswazah UMP 2022 bertempat di Hotel AC Marriott Kuantan.

Watikah Pelantikan Persatuan Pascasiswazah UMP (PGA) 2023 disampaikan Dekan IPS, Profesor Datin Ts. Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim.

Menurut Profesor Datin Ts. Dr. Mimi Sakinah, sejak dari awal penubuhannya, PGA UMP telah mengorak langkah dengan melaksanakan pelbagai aktiviti dan program melibatkan pelajar pascasiswazah termasuk program khidmat masyarakat.



“Malahan pelaksanaan aktiviti yang dianjurkan ini dapat menggilap bakat kepimpinan, pengurusan, komunikasi dan kerja berpasukan melibatkan setiap pelajar pascasiswazah yang dilantik sebagai ketua atau ahli jawatankuasa.

“Setiap pemimpin PGA dan pelajar pascasiswazah UMP telah memberikan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan aktiviti yang dirancang setiap tahun.

“Persatuan ini berperanan untuk melaksanakan pelbagai aktiviti dan program yang melibatkan pelajar pascasiswazah di UMP,” katanya.



Pihaknya turut mengucapkan tahniah kepada barisan kepimpinan Persatuan Pascasiswazah UMP yang telah dilantik pada tahun 2023 yang diketuai oleh Nurul Farah Anisa Hairolnizam selaku Presiden UMP-PGA.

Beliau mengharapkan barisan kepimpinan yang baharu dilantik itu dapat memikul amanah dan menjalankan tanggungjawab dengan baik serta dapat menganjurkan pelbagai aktiviti yang memberi manfaat kepada pelajar pascasiswazah.

Pada masa yang sama, Profesor Datin Ts. Dr. Mimi merakamkan penghargaan terima kasih kepada barisan kepimpinan Persatuan Pascasiswazah UMP Tahun 2022 yang diterajui oleh Ts. Muhammad Syamsul Imran Zaini yang telah memikul amanah dan tanggungjawab dengan baik serta berjaya menganjurkan pelbagai aktiviti dan program sepanjang tahun 2022.

Persatuan Pascasiswazah UMP itu mula ditubuhkan pada tahun 2016.

Persatuan itu juga berfungsi sebagai jambatan penghubung antara pelajar dan IPS dalam membantu UMP menyampaikan aspirasi kepada pelajar pascasiswazah.

Hadir sama dalam majlis Pengurus Kanan, Jabatan Pendaftar, Hajah Sabarehan Haji Ismail yang mewakili Pendaftar UMP, Timbalan Dekan IPS, Profesor Madya Ts. Dr. Raihana Zahirah Edros dan Pengurus Kanan, Abd. Rahman Haji Safie.

TAGS / KEYWORDS

[Persatuan Pascasiswazah UMP](#)

[IPS](#)